

**Pembentukan Awal Perwatakan dan Sahsiah Guru Pelatih melalui Aktiviti GERKO-Olahraga: Satu Tinjauan Persepsi Guru Pelatih di Institut Perguruan Batu Lintang**

**Mohd Salleh Bin Mahat**

Jabatan Ilmu Pendidikan

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan menganalisa pembentukan awal sahsiah guru pelatih melalui penglibatan mereka dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang meliputi beberapa aspek iaitu latar belakang responden, profesionalisma keguruan, kepimpinan dan tingkah laku positif. Subjek kajian terdiri daripada 74 orang guru pelatih PPISMP di Institut Perguruan Batu Lintang. Data kajian ini dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan. Skor min bagi dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga komponen yang mendokong ke arah pembentukan awal perwatakan dan sahsiah guru pelatih adalah melebih 4.00. Komponen-komponen tersebut adalah profesionalisma keguruan, kepimpinan dan tingkah laku positif. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan pembentukan awal perwatakan dan sahsiah dikalangan guru pelatih PPISMP berkesan apabila mereka menyertai aktiviti GERKO-OLAHRAGA di peringkat Institusi Perguruan Batu Lintang. Ini memberi kesan yang positif bahawa aktiviti olahraga boleh berupaya membentuk sahsiah bakal guru meningkatkan tahap profesionalisma mereka.*

**PENGENALAN**

Pada hari ini apabila orang memperkatakan tentang pendidikan aspek kualiti dan kecemerlangan menjadi ukuran dan perhatian. Kewujudan pendidikan yang berkualiti akan mengangkat martabat individu dan sesebuah institusi termasuklah Institusi Pendidikan Guru. Dalam usaha untuk memenuhi pendidikan yang berkualiti itu, kualiti guru yang bakal dilahirkan amat penting. Malahan kualiti guru tersebut seharusnya tidak sahaja mencakupi hal-hal akademik, tetapi pembangunan fizikal turut berperanan. Pembangunan fizikal ini meliputi permainan dan olahraga.

Melalui latihan perguruan di peringkat Institusi Perguruan Batu Lintang GERKO-OLAHRAGA adalah aspek yang dititik beratkan dalam melahirkan

guru yang berperwatakan dan sahsiah yang luhur. Antara sahsiah yang boleh dikenalpasti adalah berkaitan dengan professionalisma keguruan, kepimpinan dan tingkah laku yang positif. Melalui penonjolan sahsiah sedemikian, harapan kita semoga guru pelatih yang bakal dilahirkan akan dapat memenuhi aspirasi Negara.

### **Latar Belakang Kajian**

Pengkaji melihat senario keperluan dan kepentingan Gerakerja kurikulum dalam pemilihan calon ke peringkat Ijazah dan latihan perguruan di institusi perguruan hari ini semakin diberi perhatian. Walaupun keperluannya hanya 10%, senario ini memberikan gambaran bahawa GERKO boleh menyumbangkan sesuatu kearah kemantapan dan pembangunan diri insan guru pelatih.

Memandangkan keperluannya tidak dapat dipisahkan atau diketepikan, maka ini telah mengerakkan naluri pengkaji untuk melihat apakah perubahan yang boleh disumbangkan kearah pembentukan awal sahsiah guru pelatih. Pengkaji ingin melihat satu entiti yang kecil daripada komponen GERKO iaitu Olahraga.

Apatah lagi mereka yang terpilih menyertai program latihan perguruan ada yang tidak bercita-cita menjadi guru. Oleh itu perubahan dan pembangunan sahsiah mereka akan dibentuk ketika mengikuti latihan perguruan nanti. Dan harapan kita semoga kepelbahagaian penyertaan guru pelatih di institut perguruan adalah bertujuan membentuk perubahan sahsian guru pelatih ke arah profesionalisma keguruan. Perubahan dan pembentukan awal sahsiah ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti GERKO-OLAHRAGA.

### **Pernyataan Masalah**

Memandangkan GERKO OLAHRAGA merupakan komponen yang penting dalam latihan perguruan, maka dalam hal ini seharusnya penglibatan guru pelatih melalui aktiviti tersebut akan dapat memenuhi kehendak dan falsafah pendidikan Negara. Falsafah pendidikan Negara menekankan pencapaian yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Jikalau matlamat ini boleh dicapai melalui penyertaan guru pelatih dalam aktiviti olahraga di peringkat latihan perguruan, maka tidak hairanlah sahsiah guru pelatih yang akan terbentuk nanti boleh mencerminkan kualiti guru yang bakal dilahirkan.


Walaupun pada hari ini kita dapati olahraga dilihat sebagai aspek yang kecil, namun sumbangan yang diberikan nanti dalam usaha meningkatkan

dan membentuk sahsiah dan perwatakan guru pelatih di peringkat institusi perguruan amat berkesan.

Maka sumbangan yang bermakna ini turut menjadi pencetus kepada pertimbangan yang sewajarnya dalam meningkatkan tahap profesionalisme keguruan. Menurut Omardin Ashaari (1999), 'Kokurikulum dapat menyediakan pengalaman bagi perkembangan mental, minat, bakat, sosial, jasmani dan rohani pelajar'. Manakala Laporan Jawatankuasa kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979, dlm. Omardin Ashaari: 1999) menyatakan bahawa adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan di kalangan pelajar berbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan lenggang hidup yang berbeza. Oleh itu tugas GERKO bertujuan untuk melatih para pelajar agar bertanggungjawab di samping memupuk semangat kerjasama, berdisiplin, berdedikasi dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan.

### **Kerangka Teori**

Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan Model Konseptual Pendidikan Guru sebagai asas idea penyelidikannya. Satu gambarajah yang menyatukan keputusan proses dan keputusan tentang kandungan substantif berdasarkan model ini ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Selaras dengan FPK dan FPG, model ini menggambarkan suatu usaha membina kekuatan dan ketahanan diri guru berdasarkan kepatuhan kepada tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat. Hasrat ini dapat dicapai dengan

menyatupadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran iktisas seperti pekerjaan, kepimpinan, tingkah laku guru dan cara komunikasi sosial mereka.

### **Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menganarkan beberapa tujuan seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti sama ada pembentukan sahsiah di peringkat awal dapat dipupuk melalui penyertaan guru pelatih dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA.
2. Untuk mengenal pasti sama ada pembentukan sahsiah di peringkat awal ini berkaitan dengan soal-soal profesionalisme, kepimpinan dan tingkah laku positif guru pelatih.

### **Persoalan Kajian**

Secara spesifik kajian ini cuba untuk menjawab soalan-soalan seperti di bawah ini.

1. Apakah perwatakan dan sahsiah di peringkat awal guru pelatih boleh terbentuk melalui penyertaan mereka dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA?
2. Apakah pembentukan sahsiah keprofesionalisma, kepimpinan dan tingkah laku positif guru pelatih di peringkat awal boleh dikesan melalui aktiviti GERKO-OLAHRAGA?

### **Kepentingan Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan adalah diharapkan hasil dapatan ini akan membantu memberikan maklumat dan panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Pendidikan Guru bahawa pembentukan sahsiah di peringkat awal boleh dikesan dengan penyertaan guru pelatih dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA. Pembentukan sahsiah keprofesionalisma keguruan, kepimpinan dan tingkah laku positif merupakan nilai-nilai yang baik untuk diamalkan oleh guru pelatih setelah menjadi guru nanti. Apatah lagi pada ketika kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi mewar-warkan tentang kepentingan Ko-kurikulum kepada bakal pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti. Maka penyertaan mereka dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA turut menyumbang ke arah matlamat yang seujarnya.

## Konsep Sahsiah

Menurut kamus Dewan, ‘sahsiah’ bermakna keperibadian atau peribadi yang utama ialah menuntut ilmu dan melengkapkan proses pembinaan peribadi atau sebagai insan yang terpuji. Menurut Allport (1961) dalam Atan Long (1982) menyimpulkan bahawa ‘sahsiah sebagai suatu organisasi sistem psikologi dan kejasmanian yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaianya dengan alam sekeliling dengan cara yang unik. Menurut Roger (1951) bahawa intisari sahsiah seseorang ialah konsep kendirinya iaitu bagaimana seseorang itu berpendapat dan menganggap tentang dirinya berdasarkan kesedaran tentang kelebihan dan kekurangan dan maklumat tentang dirinya yang diterima daripada orang lain.

Oleh itu, sahsiah adalah diri seseorang itu secara objektif atau sebagaimana yang ada pada dirinya. Triet sesuatu sahsiah itu ditentukan mengikut ketekalan gerak balas seseorang di dalam pelbagai situasi. Semakin tekal sesuatu tingkah laku dan semakin kerap berlakunya tingkah laku yang tertentu di dalam pelbagai keadaan yang berlainan semakin nyata nyataklah sahsiah seseorang (Atan Long, 1982).

## Keperluan Pembangunan Diri Insan

Konsep kendiri merupakan satu susunan harapan, jangkaan dan penilaian seseorang tentang dirinya. Roger (1951) Kendirian seseorang itu adalah merupakan satu dunia yang dihasilkan daripada penilaian. Oleh itu tingkah laku seseorang merupakan satu usaha untuk mendapatkan ketekalan konsep kendirian yang telah tercipta.

Bagaimana pun sahsiah boleh disemaikan melalui GERKO-OLAHRAGA bukan merupakan satu konsep yang terpisah dari kurikulum pendidikan. Penyertaan guru pelatih melalui aktiviti GERKO-OLAHRAGA dapat menyemai dan memupuk perasaan kekitaan di antara murid dan memberi mereka peluang mengamalkan sifat-sifat sosial sesama mereka sarta memahami dan menghargai nilai dan norma-norma masyarakat yang dikehendaki. GERKO juga merupakan satu sulaman yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat-sifat kreativiti pelajar di samping memupuk perasaan kekitaan dan perpaduan kaum melalui kegiatan berkumpulan. Mohamed Nor (1990). Selain itu, kegiatan berpasukan ini dapat menyuburkan potensi individu dalam bidang dan lapangan tertentu.

## **Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Falsafah Pendidikan Negara didokumenkan pada 1988 dan telah dipinda pada tahun 1996 dan dikenali sebagai ‘Falsafah Pendidikan Kebangsaan’ (FPK).

‘Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara’.

Maka implikasi falsafah tersebut terhadap pendidik adalah perubahan sikap peribadi pendidik sendiri dengan pandangan dan visi yang positif terhadap tugasnya untuk merealisasikan tujuan dan cita-cita FPK. Selain itu guru sebagai ‘role model’ haruslah mempunyai akhlak mulia, percaya kepada tuhan dan melaksanakan amanah dengan bersungguh-sungguh. Malahan guru juga hendaklah peka kepada perubahan semasa dan sentiasa mengamalkan budaya mencari ilmu. Ini menuntut kepada perubahan sahsiah guru yang positif.

## **Falsafah Pendidikan Guru**

‘Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin’.

Jadi matlamat pendidikan guru adalah menghasilkan guru berkualiti dari segi peribadi, professional sosial dan amalan tingkah laku yang baik. Guru juga diharapkan boleh menguasai ilmu, kemahiran dan amalan nilai-nilai keguruan. Malah harapan yang tinggi berupaya mencapai kecemerlangan pendidikan untuk pengisian tuntutan wawasan pendidikan dalam abad ke 21. Oleh itu guru semahunnya memiliki sahsiah yang sewajarnya.

## **Matlamat GERKO**

Matlamat pelajaran GERKO bertujuan memberi kemahiran asas ke atas mempertingkatkan pengetahuan dan keterampilan guru supaya mereka dapat menjadi guru yang berkesan. Melalui penyertaan dalam pendidikan

GERKO juga boleh diterapkan sikap positif, semangat, daya faham yang tinggi dan nilai serta etika keguruan di kalangan guru permulaan. Ia sebagai persediaan menghadapi cabaran pendidikan akan datang dengan mempunyai keikhlasan dan kesungguhan mendidik anak bangsa.

### **Objektif GERKO – OLAHRAGA/PERMAINAN**

- i. Melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme keguruan khususnya dalam GERKO OLAHRAGA.
- ii. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran GERKO OLAHRAGA bagi membolehkan mereka memainkan peranan sebagai guru dan fasilitator sukan yang berkesan.
- iii. Memupuk dan menghayati nilai-nilai murni serta sikap positif berterusan melalui penglibatan aktif dalam aktiviti GERKO OLAHRAGA.
- iv. Menjadi pendidik yang berpengetahuan dan berketerampilan di dalam bidang GERKO OLAHRAGA dan kepimpinan supaya dapat memupuk dan mengembangkan bakat serta potensi guru pelatih.
- v. Membina ketabahan, kreativiti, inovasi dan keyakinan diri untuk bersaing melalui pengetahuan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah ikhtisas
- vi. Membina keyakinan dan meningkatkan kendiri dalam penggunaan multimedia dan kemudahan teknologi kearah kecemerlangan dalam bidang profesi keguruan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini pada dasarnya merupakan kajian yang bersifat ‘deskriptif dan eksploratori’ kerana ia bertujuan untuk meninjau pandangan guru pelatih berkenaan dengan pembentukan awal sahsiah diri mereka sendiri apabila menyertai aktiviti GERKO-OLAHRAGA. Menurut Majid Konting (1990) penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa atau fenomena yang sedang berlaku. Terdapat juga penyelidikan atau kajian deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Selain itu penyelidikan berbentuk deskriptif melibatkan pengumpulan data bagi menjawab persoalan tentang status terkini mengenai bidang yang ingin dikaji. Oleh itu kajian ini berguna untuk mengkaji pelbagai permasalahan yang wujud dalam bidang pendidikan, terutama penilaian yang berkaitan dengan sikap, pandangan, keterangan tentang demografi, prosedur dan keadaan semasa.

Menurut Majid Konting (1990) penggunaan soal selidik membolehkan pengkaji mendapat banyak maklumat dalam masa yang singkat. Di samping itu, jawapan yang akan diberikan oleh responden akan lebih tepat dan lebih benar kerana mereka tidak akan dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku pengkaji semasa menjawab soal selidik. Manakala Ahmad Mahdzan (1995) menyatakan selain mempercepatkan kerja mengumpul data serta mengawal mutu data yang dikumpul, pengumpulan data melalui soal selidik juga senang untuk diproses terutama jika ia diproses dengan bantuan komputer. Menurut beliau lagi, kaedah soal selidik perlu dilihat sebagai kaedah yang berguna dalam penyelidikan kerana setiap responden disoal dengan soalan yang sama, maka ini akan memudahkan pengkaji membuat perbandingan.

Seramai 74 orang guru pelatih PPISMP di Institut Perguruan Batu Lintang telah menghantar boring soal selidik kepada pengkaji. Kumpulan tersebut terdiri daripada kursus Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pengajian Cina dan Matematik. Mereka berumur antara 18 hingga 23 tahun. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan sebahagian kecil etnik lain.

Soal selidik digunakan dalam kajian ini berdasarkan sebab-sebab berikut:

- memudahkan untuk mereka bentuk soal selidik yang lebih sesuai, berfaedah dan berkaitan dengan kajian ini, iaitu pembentukan awal sahsiah guru pelatih apabila mereka menyertai aktiviti GERKO-OLAHRAGA.
- Jumlah sampel yang digunakan untuk mendapatkan pandangan berkaitan dengan pembentukan awal sahsiah adalah berkaitan dengan diri mereka, dan seterusnya membenarkan interpretasi data yang lebih bermakna; dan
- Mudah dikendalikan agar dapat dilihat perbezaan dan analisis dijalankan.

Soal selidik yang digunakan telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan:

- Soal selidik penilaian pelajar terhadap Program Bina Insan Guru Di Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan pandangan sampel terhadap soalan dan objektif kajian. Kenyataan berikut boleh digunakan sebagai panduan dalam membentuk borang selidik bagi kajian ini.

- Apakah acara olahraga yang mereka minat?
- Apakah perubahan-perubahan sahsiah yang boleh terbentuk apabila guru-guru pelatih menyertai aktiviti GERKO-OLAHRAGA?

Soal selidik (rujuk Lampiran A) yang digunakan mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada maklumat latarbelakang responden. Manakala Bahagian B terdiri daripada 25 soalan yang akan digunakan untuk mengumpul data-data berikut:

#### Bahagian A:

Maklumat latar belakang:

- Mengenai guru pelatih – umur, jantina, kaum, cita-cita dan minat.
- Mengenai penyertaan dalam kursus latihan perguruan.

#### Bahagian B:

Pandangan guru-guru pelatih mengenai pembentukan sahsiah mereka pada peringkat awal penyertaan dalam aktiviti GERKO-OLAHRAGA telah dibahagikan mengikut aspek-aspek tertentu iaitu:

- Pembentukan awal sahsiah kearah profesionalisma keguruan (item 3, 5, 6, 8, 11, 18, 20, 21, 22, 23)
- Pembentukan awal sahsiah kearah kepimpinan (item 4, 9, 14, 16, 17, 19, 24, 25)
- Pembentukan awal sahsiah kearah tingkah laku (item 7, 10, 12, 13, 15)

Pembahagian kepada aspek-aspek tersebut adalah berdasarkan analisa statistik ekploitatori mengikut keutamaan komponen yang dibahagikan oleh pengkaji.

Responden-responden diminta menandakan ( / ) pada maklumat latar belakang mengenai diri mereka pada bahagian A soal selidik. Selain itu responden juga diminta menyatakan maklumat tambahan pada ruangan yang disediakan. Seterusnya bagi melihat pandangan guru-guru pelatih mengenai pembentukan awal sahsiah diri mereka apabila menyertai aktiviti GERKO-OLAHRAGA, responden-responden diminta menandakan pada ruangan yang disediakan berdasarkan skala yang berikut:

- 5 = Sangat Setuju ( SS )
- 4 = Setuju ( S )
- 3 = Sedikit Setuju ( SET )
- 2 = Kurang Setuju ( KS )
- 1 = Sangat Tidak Setuju (STS )

Dalam Bahagian B, responden-responden dipandu dengan ayat seperti berikut:

“Setelah saya mengikuti aktiviti GERKO-OLAHRAGA di peringkat Institut Perguruan Batu Lintang, saya dapati banyak perubahan-perubahan yang berlaku ke atas diri saya” Data-data yang telah diproses dan dianalisa dengan menggunakan komputer melalui Program SPSS/PC. Bagi

menganalisis data, kaedah statistik deskriptif digunakan melalui kekerapan dan peratusan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Analisa Tentang Latar Belakang Responden**

Dalam kajian ini sebanyak 74 borang soal selidik telah diperolehi daripada guru-guru pelatih PPISMP di Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Taburan responden mengikut umur, jantina, kaum, pengkhususan mata pelajaran, kursus, minat dan cita-cita seperti dalam Jadual 1. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, umur responden antara 18 hingga 19 tahun merupakan peratusan tertinggi. Perempuan pula merupakan jantina yang ramai dengan 60.8 peratus. Kaum Cina pula adalah paling ramai dengan 72.9 peratus. Disebalik itu pula peratusan dari segi pengkhususan mata pelajaran Bahasa Cina 27.0 peratus dan Bahasa Inggeris sebanyak 21.6 peratus.

Jadual 1

#### Maklumat Latar Belakang

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Umur		
	18 – 19 thn	40	54.1
	20 – 21 thn	33	44.6
	Lebih 22 thn	1	1.4
2	Jantina		
	Lelaki	29	39.2
	Perempuan	45	60.8
3	Kaum		
	Melayu	12	16.2
	Cina	54	72.9
	Iban	4	5.4
	Bidayuh	2	2.7
	Lain-lain kaum	2	2.7
4	Pengkhususan Mata Pelajaran		
	Bahasa Melayu	19	27.0
	Bahasa Inggeris	17	21.6
	Bahasa Cina	20	27.0
	Matematik	18	24.3

Jadual 2 menunjukkan skor min keseluruhan adalah 4.27 dengan skor sisihan piawaian adalah 0.554. Item tertinggi adalah item tidak akan cemarkan profesion perguruan dengan skor min 4.49 dan sisihan piawaian adalah 0.687. Manakala item terendah ialah semangat ingin menjadi guru dengan skor min 4.07 dan sisihan piawaiannya 0.746.

Jadual 3 bagi aspek pembentukan sahsiah kepimpinan juga menunjukkan skor min adalah pada tahap baik. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, skor min keseluruhan adalah 3.98 dan sisihan piawaian adalah 0.521. Skor min tertinggi bagi aspek ini adalah item mereka boleh mengembangkan idea dengan skor min 4.12 dan sishan piawaian 0.721. Manakala skor min terendah bagi aspek ini ialah item menjadi 'role model' dengan skor min 3.80 dan sisihan piawaiannya ialah 0.702.

Jadual 2

## Aspek Profesionalisme Keguruan

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
3	Tidak cemar profesi guru	4.49	.687
8	Tidak libat diri kegiatan cemar guru	4.42	.740
2	Hubungan mesra	4.41	.757
1	Akhlik guru	4.35	.629
4	Tidak mudah putus asa	4.30	.716
10	Azam insan yang baik	4.28	.712
9	Runding selesai masalah	4.18	.690
5	Tanggungjawab dedikasi	4.15	.612
7	Tiada kata yang sakiti org lain	4.11	.694
6	Semangat jadi guru	4.07	.746
Min keseluruhan		4.27	0.554

Jadual 3

## Aspek Kepimpinan

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Kebolehan intelek	3.93	.709
2	Bantu minat berterusan utk pelajar	4.01	.630
3	Tingkat prestasi akademik	3.99	.630
4	Role model	3.80	.702
5	Sikap adil	4.03	.682
6	Peka masalah pembelajaran	3.95	.660
7	Kembang idea	4.12	.721
8	Kemahiran kerja secara berpasukan	4.000	.7215
Min Keseluruhan		3.98	0.521

Oleh itu skor min aspek kepimpinan adalah selaras dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (bab 3, ms. 26: 1993), 'yang menyatakan kurikulum di Institut Perguruan bertujuan mengembangkan bakat potensi dan kepimpinan guru pelatih dalam bidang sosial, kebudayaan dan khidmat masyarakat di samping menitikberatkan pembentukan sahsiah penerapan nilai dan memupuk sikap yang positif'. Begitu juga dengan pandangan yang diberikan oleh Omardin Ashaari (1999), GERKO menyediakan peluang menjadi pemimpin, mempunyai tingkah laku baik, mudah diajak berbincang dan mampu mengeluarkan idea yang bernalas, bertanggungjawab, bersemangat serta boleh mengatur kerja dengan mudah tetapi berkesan.

Jadual 4 yang menunjukkan pembentukan tingkah laku positif juga berada pada tahap yang cemerlang dengan skor min 4.09 dan sishan piawaian 0.521(rujuk kepada Jadual 4). Skor min tertinggi adalah 4.19 dan sisihan piawaian 0.521 iaitu item menghormati pandangan orang lain. Skor min terendah adalah 4.00 dan sisihan piawaianya 0.721 melalui item saya tidak mahu bersikap buruk sangka.

Jadual 4

**Aspek Tingkah Laku Positif**

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Sikap toleransi	4.12	.618
2	Hormat pandangan org lain	4.19	.589
3	Terbuka terima kritikan	4.12	.682
4	Fikiran positif	4.01	.692
5	Tidak buruk sangka	4.00	.721
Min Keseluruhan		4.09	0.521

Menurut Wee Eng Hoe (1996) kegiatan kurikulum dianggap berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar. Menurut beliau lagi, kegiatan ini boleh memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajianan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang yang akan membentuk pelajar supaya menjadi warga negara yang berguna. Oleh itu harapan kita bahawa dengan memiliki tingkah laku yang positif, guru pelatih boleh memupuk gaya hidup yang sihat, dapat mengukuhkan interaksi antara pelajar dan sekali gus memupuk interaksi antara kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Melalui tinjauan yang telah dilaku oleh pengkaji ke atas 74 orang guru pelatih PPISMP Institut Perguruan Batu Lintang, penyertaan awal mereka melalui aktiviti GERKO-OLAHRAGA boleh membentuk sahsiah melalui aspek profesionalisme keguruan, kepimpinan dan tingkah laku positif. Keseluruhan min bagi aspek-aspek tersebut menunjukkan skor min melebihi 4.00. Namun keputusan skor min ini hanyalah untuk jangka masa pada peringkat awal guru pelatih tersebut dalam latihan perguruan mereka. Selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia, bahawa perkembangan semua pelajar harus seimbang dari segi mental/intelek, rohani, jasmani dan emosi supaya bakat dan minat mereka boleh dimajukan. Program kurikulum juga mementingkan pengurusan 4K iaitu kemahiran asas, kebolehan mengurus, kebolehan memimpin dan kepegawaian serta kejurulatihan supaya segala pengetahuan dan kemahiran boleh disalurkan dengan berkesan dalam pelaksanaan program GERKO di peringkat sekolah. (Wee Eng Hoe, 1996). Harus diingatkan juga bahawa sebarang perubahan awal sahsiah yang positif merupakan sokongan kepada pembentukan peribadi guru kerana sumbangan GERKO hanyalah 10% daripada komponan latihan perguruan. Walau bagaimanapun kajian ini adalah terbatas pada jumlah responden yang terhadap dan tidak dapat digeneralisasikan ke atas guru pelatih yang lain. Pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian berkaitan pembentukan sahsiah dalam aktiviti luar seperti olahraga dan permainan ini boleh dilakukan sepanjang masa, memandangkan aktiviti ini menjadi komponen penting dalam latihan dan pendidikan guru.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Allport, G. Pattern (1961). *Growth in personality*. Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Atan Long (1982). *Psikologi Pendidikan*. D. B. P. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1993). *Buku Panduan GERKO, Kursus Perguruan Asas (KPA) Lima Semester*, Bahagian Pendidikan Guru, Kuala Lumpur.
- Mohamed Nor Che' Nor (1990). *Asas-Asas Pendidikan-Satu Pengenalan*. Flo Enterprise Sdn. Bhd. Petaling Jaya, Selangor.
- Mohd Majid Konteng. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Omar din Ashaari (1999). *Pengurusan Sekolah: Suatu Pandangan Lengkap*. Utusan Publication Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Rogers. C. R. (1951). *Client-Centered Therapy. Its current practise, implication and theory*. Boston: Houghton Mifflin.

Wee Eng Hoe (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum* (Siri Diploma Perguruan). Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

## Lampiran A

### SOAL SELIDIK

Arahan:

Soalselidik ini adalah sebahagian daripada kajian tentang GERKO–OLAHRAGA. Ini BUKAN satu ujian atau penilaian ke atas anda atau institut anda. Sila jawab secara jujur dan ikhlas.

HAK RAHSIA ANDA ADALAH TERPELIHARA  
KERJASAMA ANDA SANGAT DIHARGAI

BAHAGIAN A:

Sila tanda [/] atau tuliskan pada ruang yang berkenaan.

1. Umur:

- i. 18 – 19 thn [ ]
- ii. 20 – 21 thn [ ]
- iii. 22 – 23 thn [ ]
- iv. Lebih dpt 23 thn [ ]

2. Jantina:

- i. Lelaki [ ]
- ii. Perempuan [ ]

3. Kaum:

- i. Melayu [ ]
- ii. Cina [ ]
- iii. India [ ]
- iv. Iban [ ]
- v. Bidayuh [ ]
- vi. Kadazan [ ]
- vii. Lain-lain [ ] nyatakan: \_\_\_\_\_

4. Pengkhususan Mata Pelajaran semasa Latihan Perguruan:

- i. Bahasa Melayu [ ]
- ii. Bahasa Inggeris [ ]
- iii. Bahasa Cina [ ]
- iv. Sains [ ]
- v. Matematik [ ]
- vi. Pendidikan Seni [ ]
- vii. Pra-Sekolah [ ]
- viii. Pendidikan Jasmani/kesihatan [ ]
- ix. Iain-lain [ ] nyatakan: .....

5. Anda sedang mengikuti kursus/latihan Perguruan:

- i. KPLI [M] [ ]
- ii. KPLI [R] [ ]
- iii. PPISMP [ ]
- iv. PPISMK [ ]
- v. KDC [ ]

6. Saya berminat acara olahraga:

- i. Padang [ ] nyatakan: .....
- ii. Balapan [ ] nyatakan: .....

7. Pencapaian tertinggi saya dalam acara olahraga sehingga ke peringkat:

- i. Rumah/pasukan [ ]
- ii. Sekolah [ ]
- iii. Daerah [ ]
- iv. Bahagian [ ]
- v. Negeri [ ]
- vi. Negara [ ]
- vii. Antarabangsa [ ]

Bahagian B:

Untuk soalan 1–25, sila gunakan skala di bawah dengan menandakan [ / ] pilihan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan.

- 5 = Sangat Setuju [SS]
- 4 = Setuju [S]
- 3 = Sedikit Setuju [SET]
- 2 = Kurang Setuju [KS]
- 1 = Sangat Tidak Setuju [TS]

Bil	Item	1	2	3	4	5
1	Minat saya terhadap profesion perguruan semakin bertambah					
2	Saya mempunyai matlamat yang jelas tentang organisasi pendidikan saya					
3	Saya ingin mengamalkan akhlak guru yang baik					
4	Saya berupaya gunakan kebolehan intelek saya dengan berkesan					
5	Saya berupaya tingkatkan hubungan mesra dengan orang lain					
6	Saya tidak akan mencemarkan profesion perguruan					
7	Saya berupaya bersikap toleransi terhadap orang lain					
8	Saya ingin menjadi insan yang tidak mudah putus asa					
9	Saya boleh membantu menanam minat yang berterusan untuk belajar					
10	Saya boleh menghormati pandangan orang lain					
11	Saya akan menunaikan tanggungjawab dengan penuh dedikasi					
12	Saya akan bersikap terbuka apabila menerima kritikan					
13	Saya akan sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan sesuatu isu					

14	Saya boleh meningkatkan prestasi akademik				
15	Saya tidak mahu bersikap buruk sangka terhadap orang lain				
16	Saya boleh menjadi 'role-model' ke arah peningkatan profesi perguruan				
17	Saya berupaya menunjukkan sikap yang adil				
18	Saya semakin bersemangat menjadi guru				
19	Saya semakin peka terhadap masalah pembelajaran				
20	Saya tidak mahu mengeluarkan kata-kata yang boleh menyakiti hati orang lain				
21	Saya tidak mahu melibatkan diri dengan kegiatan yang boleh mencemarkan profesi perguruan				
22	Saya bersedia berunding dalam menyelesaikan sesuatu masalah				
23	Saya berazam menjadi insan guru yang baik				
24	Saya ingin mengembangkan idea-idea ke arah peningkatan organisasi saya				
25	Saya telah mempunyai kemahiran bekerja secara berpasukan dengan orang lain				

"Setelah saya mengikuti aktiviti GERKO-OLAHRAGA di peringkat Institut Perguruan Batu Lintang, saya dapat banyak perubahan yang berlaku ke atas diri saya." Antara perubahan-perubahan tersebut adalah:

---



---



---

'Terima Kasih'